



**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
PEJABAT PENDAFTARAN PATEN**

**AKTA PATEN 1983
NOTIS AMALAN NO. 1/2023**

NOTIS AMALAN INI dikeluarkan bagi menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar Paten oleh seksyen 87A Akta Paten 1983 [*Akta 291*].

BAHAGIAN I
Permulaan

Nama, tarikh kuat kuasa dan skop

1. (1) Notis amalan ini bolehlah dinamakan Notis Amalan No. 1/2023.

(2) Notis Amalan No. 1/2023 ini akan berkuat kuasa pada 6 Jun 2023 sehingga notis selanjutnya dikeluarkan oleh Pendaftar Paten.

(3) Notis Amalan No. 1/2023 ini menetapkan ketersediaan pemfailan secara elektronik melalui Portal IP Online bagi permohonan atau permintaan di bawah Akta Paten 1983.

(4) Bermula dari tarikh kuat kuasa Notis Amalan No. 1/2023 ini, permohonan atau permintaan di bawah Akta Paten 1983 seperti yang dinyatakan di Jadual Pertama boleh difailkan secara elektronik melalui Portal IP Online.

(5) Walau apa pun yang dinyatakan di perenggan 4 di atas, pemfailan elektronik telah tersedia pada setiap masa bagi:

- (a) perakuan penarikan balik permohonan melalui Portal IP Online;
- (b) permohonan antarabangsa melalui sistem ePCT;
- (c) *Patent Prosecution Highway* (PPH) melalui Portal IP Online; dan
- (d) *Asean Patent Examination Co-operation* melalui Portal IP Online.

(6) Selaras dengan peraturan 52(4) Peraturan-Peraturan Paten 1986, fi pengendalian seperti yang dinyatakan di butiran 21 dan 22, Bahagian II, Jadual I Peraturan-Peraturan Paten 1986 adalah terpakai kepada pemfailan permohonan atau permintaan yang dinyatakan di Jadual Pertama, perakuan penarikan balik permohonan yang disebut di perenggan 5(a) dan permohonan antarabangsa yang disebut di perenggan 5(b) yang dibuat di Pejabat Pendaftaran Paten atau melalui pos.

(7) Notis Amalan 2/2022 dengan ini dibatalkan pada tarikh kuat kuasa Notis Amalan No. 1/2023 ini.

JADUAL PERTAMA

Pendaftar Paten

Pejabat Pendaftaran Paten

Dikeluarkan dan Disiarkan pada: 1 Jun 2023

JADUAL PERTAMA

No.	Perkara	Borang
1.	Permintaan bagi pemberian paten termasuk mengemukakan maklumat berhubung dengan mikroorganisma yang didepositkan di bawah peraturan 7(1B)	Borang Paten No. 1
2.	Permohonan terbahagi	Borang Paten No. 1 atau 14
3.	Memasuki fasa nasional bagi permohonan antarabangsa	Borang Paten No. 2A
4.	Permohonan bagi pemberian perakuan bagi perbaharuan utiliti termasuk mengemukakan maklumat berhubung dengan mikroorganisma yang didepositkan di bawah peraturan 7(1B)	Borang Paten No. 14
5.	Permintaan bagi pemeriksaan substantif	Borang Paten No. 5
6.	Permintaan bagi pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan	Borang Paten No. 5A
7.	Permintaan untuk menukar permohonan bagi paten kepada permohonan bagi perakuan bagi perbaharuan utiliti dan sebaliknya	Borang Paten No. 5G
8.	Pembaharuan paten atau perakuan bagi perbaharuan utiliti	-
9.	Pelantikan atau pertukaran ejen paten	Borang Paten No. 17

No.	Perkara	Borang
10.	Permintaan bagi pelanjutan masa	Borang Paten No. 21